

08 MAY 1999

Fauzi-Pita

FAUZI AKUR KEPADA APA JUGA TINDAKAN PARTI

KUANTAN, 8 Mei (Bernama) -- Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Fauzi Abdul Rahman hari ini berkata beliau akur dan bersedia menerima apa jua tindakan, termasuk disiplin berikutan ucapannya yang dikatakan bertentangan dengan dasar parti.

"Kalau tangan sudah mencincang, bahu itulah yang sanggup memikul. Bagi saya, bila rumah dibina di tepi pantai, memang mainan dilambung ombak," katanya ketika ditemui pemberita selepas perasmian bangunan baru SJK (C) Kuang Hwa oleh Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik di sini.

Fauzi, yang juga Anggota Parlimen Kuantan berkata beliau telah menemui Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan memberikan penjelasan berhubung ucapannya yang dikatakan memihak kepada bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Pita rakaman ucapan Fauzi semasa merasmikan persidangan Perwakilan Umno Bahagian Tumpat itu diserahkan kepada Majlis Tertinggi Umno kerana salah seorang anggota jawatankuasa Umno bahagian berkenaan, Azmi Ali mendakwa intipati ucapan itu penuh sindiran yang memperlihatkan sokongan Fauzi kepada Anwar.

Fauzi berkata beliau terperanjat kerana jika benar ada pihak yang marah dengan ucapannya semasa merasmikan mesyuarat itu, sudah tentu ada perwakilan yang berjalan keluar, tetapi sepanjang pengetahuannya tidak seorangpun yang berbuat demikian.

Fauzi turut mempersoalkan kenyataan akhbar yang dibuat oleh Azmi seminggu selepas majlis perasmian mesyuarat Umno berkenaan dan tidak dibuat secara segera, sebagai contoh keesokan harinya.

Katanya sebagai pemimpin Umno Bahagian Kuantan sejak 26 tahun lepas, beliau sentiasa berdiri teguh di belakang kepimpinan Dr Mahathir dan tidak pernah sekalipun membelakangkan parti terutamanya semasa menghadapi pelbagai krisis.

"Apakah saya yang tak pernah keluar parti, selama ini setia kepada parti selama 26 tahun, tak pernah satu insidenpun kita menentang parti, nak diragukan kesetiaan saya?," tanya beliau.

Beliau berpendapat intipati ucapannya itu tidak hina sekiranya beliau mengiktiraf Anwar sebagai kawan tetapi yang penting ketaatan kepada kepimpinan masih perlu dikekalkan.

"Saya harap bagi pihak kawan-kawan Anwar, kalau sekiranya ada usaha nak meragukan kesetiaan kami ini, saya rasa kena lihat pada diri sendiri dululah siapa yang nak buat tohmahan itu," tambah beliau lagi.

-- BERNAMA

ROS LAT